

49 Pegawai dari Tampin anak angkat di bengkel kejiranan

Menteri Besar Negeri Sembilan, Encik Isa bin Datuk Abdul Samad (kiri) bertanyakan sesuatu kepada salah seorang Pegawai Perhubungan Masyarakat di upacara perasmian bengkel kejiranan di Kampung Tulang Rimau, Dangi kira-kira 24 kilometer dari Tampin, kelmarin.

Seramai 49 pegawai tersebut telah menjadi anak angkat 42 keluarga kampung selama seminggu.

Encik Isa menjelaskan, sebuah kampung di negeri itu akan dijadikan kampung contoh di mana amalan bantu membantu dengan semangat kejiranan dapat diikuti oleh kawasan-kawasan lain.

